

DARI LIDAH KE JIWA: MEMUPUK BUDAYA DAMAI MELALUI BAHASA

Ainal Akmar Ahmad

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

E-mel: ainal@uum.edu.my

Maizatul Azura Yahya

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia

E-mel: maizatul@uum.edu.my

ABSTRAK

Budaya damai dalam bahasa memainkan peranan penting dalam membentuk interaksi sosial yang harmoni dalam kalangan masyarakat. Bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga cerminan nilai, pemikiran, dan sikap individu terhadap orang lain. Dalam konteks masyarakat kini, penggunaan bahasa yang sopan, inklusif, dan menghormati kepelbagaian budaya serta pandangan amat penting bagi menggalakkan persefahaman dan toleransi. Kajian ini meneliti bagaimana budaya damai dapat dipupuk melalui penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian masyarakat, khususnya dalam komunikasi tulisan di media sosial. Justeru, kajian yang dilakukan ini akan meneliti penggunaan bahasa semasa berkomunikasi dalam kalangan masyarakat di laman sosial Tiktok yang boleh diakses oleh pengguna internet. Pendekatan kualitatif yang diaplikasi dalam kajian ini akan menganalisis komen-komen yang diberikan oleh netizen pada ruangan komen yang terdapat dalam laman sosial Tiktok menggunakan Teori Kesantunan Asmah Haji Omar (2000). Dapatan kajian menunjukkan masih banyak pengguna yang menggunakan bahasa kasar dan kesat dalam media tersebut. Kajian ini mencadangkan agar diadakan program pembangunan sahsiah belia yang dapat memberi penekanan kepada kemahiran berbahasa yang santun, termasuk melalui kurikulum pendidikan dan kempen media massa. Ini penting supaya terdapat kesedaran dalam kalangan belia mengenai kepentingan menggunakan bahasa yang tidak bersifat provokatif atau menghina supaya golongan belia dapat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Kesimpulannya, budaya damai dalam bahasa perlu diperkasa sebagai salah satu asas utama untuk membentuk masyarakat yang bersatu, bertoleransi, dan sejahtera, bermula dengan golongan muda sebagai pemangkin perubahan sosial yang positif.

Kata kunci: Budaya damai; tiktok; kesantunan belia

1. PENGENALAN

Bahasa bukan sekadar alat komunikasi, tetapi juga cerminan jiwa dan budaya sesuatu masyarakat. Ia membentuk cara kita berfikir, bertindak dan berinteraksi. Dalam dunia yang semakin rencam dan kompleks, bahasa memainkan peranan penting dalam menjalin persefahaman dan menyemai nilai-nilai keamanan. Kata-kata boleh menjadi jambatan damai, tetapi juga boleh menjadi bara konflik. Oleh itu, usaha memupuk budaya damai harus bermula dari lidah dan penulisan iaitu bagaimana kita bertutur, berbahasa dan menulis untuk menyampaikan makna dengan empati, hormat dan kasih sayang terhadap sesama manusia. Rohaidah Mashudi et al, 2021 menyatakan masyarakat harmoni menitik beratkan elemen etiket bahasa sebagai peraturan sosial untuk mengekalkan perpaduan.

Kertas kerja ini membincangkan bagaimana bahasa, jika digunakan dengan bijak dan penuh kesedaran, boleh menjadi alat yang ampuh dalam memupuk budaya damai di peringkat individu, komuniti, dan nasional. Oleh itu kertas kerja ini akan meneliti dua objektif kajian iaitu mengenal pasti bentuk penggunaan bahasa yang boleh menyumbang kepada keamanan atau konflik dan menganalisis peranan bahasa dalam pembentukan budaya damai.

2. METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis dokumen atau teks dan kepustakaan. Menurut Bryman (2008), kajian kualitatif adalah strategi kajian yang lazimnya menekankan kepada perkataan berbanding pengiraan data yang dikumpul dan dianalisis. Analisis kandungan dokumen adalah alat saintifik yang melibatkan prosedur khusus bertujuan menyedia pandangan baharu, meningkat kefahaman pengkaji berkaitan fenomena tertentu atau menjelaskan tindakan yang praktikal. Pengumpulan data melalui analisis dokumen dapat memberikan maklumat yang relevan kepada isu dan masalah yang dikaji. Kajian berbentuk analisis kandungan ini dilakukan dengan cara menganalisis komen netizen di ruangan komen Tiktok UtusanTV mengenai berita kemalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada 9 Jun 2025 yang bertajuk Nahas UPSI: Tular rakaman dashcam detik kemalangan berlaku yang mendapat 20 ribu komen daripada netizen.

Berdasarkan kepentingan memupuk budaya damai semasa berkomunikasi, kajian ini akan menganalisis komen-komen netizen pada berita terkini yang disiarkan dalam aplikasi Tiktok terpilih menggunakan Teori Kesantunan Asmah Haji Omar (2000). Menurut Asmah, terdapat dua kategori kesantunan iaitu Kesantunan Asas dan Kesantunan Berkendala. Kesantunan Asas ialah kesantunan sedia ada yang wujud dalam diri seseorang berdasarkan didikan sejak awal lagi. Sementara Kesantunan Berkendala pula merupakan usaha yang dilakukan semasa berkomunikasi dengan memikirkan kendala-kendala tertentu iaitu:

- i. taraf dan peranan orang yang bercakap
- ii. dimana dan bagaimana
- iii. Apa yang diperkatakan
- iv. mengapa percakapan itu berlaku dan
- v. cara percakapan itu dilakukan

Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kesantunan asas ialah kesantunan yang wujud secara semula jadi melalui didikan daripada keluarga dan kesantunan berkendala ialah kesantunan yang memberi perhatian kepada peranan sosial pemeran, latar, judul percakapan, sebab dan cara percakapan serta penyesuaian percakapan mengikut situasi.

3. ANALISIS DAN PERBINCANGAN

3.1 Penggunaan bahasa yang meyumbang ke arah keamanan

Bil	Contoh ayat	Penerangan
1	YaAllahhhh lajunyaaaaaaa 🥹 🥹🥹🥹 semoga semua 15 orang mangsa maut pelajar upsi ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman, aamiinn 🙏 Translate	Situasi ini menunjukkan netizen menyatakan bas dipandu laju namun tetap mendoakan semoga pelajar UPSI ditempatkan dalam kalangan orang-orang beriman.

2	Rasulullah ﷺ bersabda: "Jika kamu mendapat musibah, maka janganlah kamu berkata: 'Kalau aku lakukan itu dan ini, tentu takkan jadi begini.' Tetapi katakanlah: 'Ini adalah takdir Allah, dan apa yang Dia kehendaki pasti berlaku.'" (HR. Muslim)	Netizen ini pula menulis hadis bertujuan supaya para mangsa yang terselamat dan ahli keluarga menerima takdir yang ditetapkan oleh Allah swt. Melalui hadis ini diharapkan keluarga mangsa tidak menyesali apa yang berlaku dengan menyatakan jika mereka tidak menaiki bas pada hari tersebut tentulah mereka tidak meninggal sedangkan ini ada qada dan qadar daripada Allah swt.
3	REST IN PEACE 🙏🏻🤲🏻 semoga arwah pelajar upsi dikelilingi orang beriman. 😊	Netizen ini turut mendoakan mangsa walaupun beliau merupakan kaum India. Ini menunjukkan budaya damai diterapkan dalam kalangan masyarakat.
4	dok tfikir mcm mna la smpi 15 yg mninggal..rupanya mcm nie..salam takziah utk kluarga dan smoga adik ² upsi yg pergi ditempatkn dklangan org ² beriman dan para soleh,solehah 🙏🏻	Situasi ini menunjukkan netizen mengetahui bagaimana kejadian kemalangan tersebut berlaku selepas melihat video dashcam dan turut mendoakan mangsa kamalangan ini.
5	maaf ckp masa mula2 kes ni aku syak mustahil driver bas laju. tp dalam video ni dah terjawab laju + overtake waktu corner...Allah...taknak ckp apa2 biar polis yg menyiasat...	Netizen ini mengakui pemandu bas memandu laju selepas melihat video tetapi tidak memberikan komen negatif dan menyatakan biarlah pihak berkuasa iaitu polis yang menyiasat kejadian ini.

Berdasarkan lima contoh ayat di atas, dapat dinyatakan bahawa masyarakat sentiasa mendoakan mangsa kemalangan yang maut dengan doa yang baik-baik iaitu mendoakan mereka agar ditempatkan dalam kalangan orang-orang beriman dan menerima qada dan qadar yang telah ditetapkan oleh Allah swt. Situasi ini menunjukkan nilai universal dalam agama Islam dapat dijadikan asas hubungan sosial masyarakat di Malaysia dalam rangka mewujudkan perpaduan kaum dan integrasi nasional (Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin, 2012). Ayat ketiga pula menunjukkan bahawa rasa empati dan hormat di kalangan masyarakat Malaysia apabila turut mendoakan mangsa kemalangan walaupun individu tersebut merupakan bangsa India. Beliau menggunakan bahasa yang sopan dalam menyampaikan rasa empatinya. Ini menunjukkan keprihatinan beliau dalam isu tersebut.

Ayat keempat dan kelima pula menunjukkan netizen tersebut mendoakan agar adik-adik pelajar UPSI ditempatkan dalam kalangan orang-orang beriman disamping orang soleh dan solehah. Sementara ayat kelima menunjukkan netizen tidak membuat pengadilan kepada pemandu bas dengan menyatakan biarlah pihak berkuasa yang menyiasat perkara tersebut. Netizen-netizen ini sentiasa berfikir sebelum menulis dengan memikirkan apa yang diperkatakan, mengapa percakapan itu berlaku dan cara percakapan itu dilakukan seperti yang diutarakan dalam kesantunan berkendala

Asmah haji Omar 2000. Penggunaan ayat ayat ini menunjukkan budaya damai masih wujud dalam kalangan masyarakat.

3.2 Penggunaan bahasa yang meyumbang ke arah konflik

Bil	Contoh Ayat	Penerangan
1	Mana barua yg kata driver bas tu xbersalah??? 🤔 🤔 🤔	Netizen ini memarahi masyarakat yang mengatakan driver bas tidak bersalah dengan menggunakan perkataan kesat iaitu barua.
2	yg heran kok para mobil ga berhenti nolongin korban mala lajuu aja Translate	Netizen ini mengatakan kenapa kereta tidak berhenti menolong mangsa-mangsa kemalangan tanpa mengetahui situasi sebenar yang menyebabkan kereta tidak dapat berhenti.
3	Pemilik dashcam xberhenti bantu ke? Nampak mcm teruskan perjalanan je	Netizen ini mempertikaikan kenapa pemandu kereta yang menyiarkan dashcam ini tidak berhenti membantu mangsa.
4	ini hanya masalah kecil tak perlu risau 🙏 🙏	Netizen ini pula mengatakan kes kemalangan ini hanyalah perkara kecil sahaja sedangkan ia telah meragut 15 nyawa.
5	why should laju laju time selekoh? why????? adakah pemandu bas tu selamat or tak ? Translate	Netizen ini menyalahkan pemandu bas kerana memandu laju ketika di selekoh dan bertanya adakah pemandu tersebut selamat atau sebaliknya. Ayat ini seolah beliau menyindir pemandu sekiranya dia terselamat sedangkan ramai penumpang maut

Berdasarkan lima contoh ayat di atas dapat menggambarkan penggunaan ayat yang dapat menimbulkan konflik ketika menulis. Ayat 1 menunjukkan penggunaan bahasa kesat iaitu barua akan menghangatkan suasana kerana tidak semua netizen bersetuju dengan kata-kata tersebut. Perkataan barua dianggap tidak sopan seperti yang dinyatakan oleh Asmah Haji Omar (2000) dalam Teori Kesantunan Berkendala iaitu perlu memikirkan apa yang diperkatakan semasa berkomunikasi. Netizen tidak memikirkan apa yang diperkatakan, ia hanya ingin melepaskan kemarahan dengan menggunakan perkataan yang kesat. Begitu juga dengan ayat 2 dan 3 yang mempersoalkan kenapa pemandu kereta dan pemilik dashcam yang melalui kawasan tersebut tidak berhenti menolong mangsa tanpa mengetahui keadaan sebenar yang menyebabkan kenderaan tidak boleh berhenti di kawasan tersebut pada ketika itu.

Sementara ayat ke 4 pula seolah-olah tidak menghormati mangsa kemalangan dengan menyatakan itu hanyalah kemalangan kecil sedangkan 15 nyawa telah terkorban dalam kejadian tersebut. Ayat ke 5 menunjukkan netizen menyalahkan pemandu bas dengan menyatakan beliau memandu laju tanpa mengetahui situasi sebenar kejadian. Mereka membuat andaian hanya berdasarkan video dashcam dan paparan klip berita yang tular sama ada dalam media bercetak, elektronik dan media sosial (Hariyati, 2019). Ayat-ayat tersebut jelas boleh menimbulkan konflik dalam kalangan masyarakat dan menghalang pembentukan budaya damai.

3.3 PERANAN BAHASA DALAM PEMBENTUKAN BUDAYA DAMAI

Bahasa memainkan peranan penting dalam membentuk budaya damai dalam masyarakat dan membentuk pemikiran seseorang. Bahasa boleh menjadi alat penyelesaian konflik. Cara seseorang menggunakan bahasa mencerminkan tahap empati, kasih sayang dan hormat menghormati sesama manusia. Penggunaan bahasa yang sopan dapat memupuk rasa hormat dan penerimaan antara pihak

yang berbeza. Komunikasi yang tenang, jelas dan sopan dapat meredakan ketegangan, membina persefahaman dan menghasilkan penyelesaian yang adil kepada pihak yang terlibat. Apabila berlakunya sesuatu konflik ketika mengutarakan pendapat, penggunaan bahasa yang sopan dan beradab dapat menyelesaikan konflik secara damai.

Bahasa juga merupakan unsur penting dalam membentuk identiti budaya. Di Malaysia, kepelbagaian bahasa mencerminkan kekayaan budaya masyarakatnya. Setiap kaum diharapkan menghormati bahasa kaum lain bagi menunjukkan penghargaan terhadap identiti mereka. Situasi ini penting dalam mengekalkan keharmonian dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa di Malaysia. Melalui penggunaan bahasa yang sopan nikmat keharmonian ini dapat dikecapi dalam semua lapisan masyarakat Malaysia (Mohd Nazmi Mohd Khalli et al, 2020).

4. KESIMPULAN

Bahasa, jika digunakan dengan penuh tanggungjawab, mampu menjadi jambatan antara hati dan jiwa manusia. Oleh itu, masyarakat perlulah sentiasa menggunakan bahasa yang sopan ketika berkomunikasi terutama di media sosial bagi mencetuskan keamanan (Ainal Akmar Ahmad et al. (2016; Indirawati Zahid, 2023). Budaya damai bukan sekadar penggunaan kata-kata yang sopan pada waktu tertentu, tetapi perlu sentiasa wujud dalam tutur kata seharian masyarakat. Antara langkah yang boleh dilakukan dalam membentuk budaya damai ialah mengadakan program pembangunan sahsiah belia yang dapat memberi penekanan kepada kemahiran berbahasa yang santun, termasuk melalui kurikulum pendidikan dan kempen media massa. Ini penting supaya terdapat kesedaran dalam kalangan belia mengenai kepentingan menggunakan bahasa yang tidak bersifat provokatif atau menghina supaya golongan belia dapat mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan.

Dalam sebuah negara berbilang kaum dan agama seperti Malaysia, penggunaan bahasa yang beretika, empati dan menghormati perbezaan adalah kunci kepada kestabilan dan keharmonian. Justeru, untuk memupuk budaya damai, setiap individu perlu memulakan perubahan dari diri sendiri dengan memperhalusi tutur kata dan menjadikan bahasa sebagai jambatan penyatuan, bukan pemisah. Bahasa damai adalah langkah pertama ke arah masyarakat yang lebih sejahtera, bersatu dan bertoleransi (Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohamad Nortaufig Norhashim, 2019). Oleh itu, sudah tiba masanya kita memperkasa bahasa sebagai instrumen perdamaian dalam kehidupan seharian.

5. RUJUKAN

- Ainal Akmar Ahmad, Maizatul Azura Yahya, Nasihah Hashim & Noor Aida Mahmor. (2016). *Kesantunan bahasa semasa berkomunikasi di laman sosial*. Kertas kerja yang dibentang di Seminar International Conference on Government & Public Affair 2016 (ICOGPA2016) di Universiti Utara Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2000). *Wacana, perbincangan, perbahasan, dan perundingan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bryman, A. (2008). *Social research methods* (3rd ed.). Oxford University Press.
- Hariyati Ariffin (2019, November 18). Bahasa kurang sopan ubah cara komunikasi remaja masa kini. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my/article/57798/khas/pendapat/bahasa-kurang-sopan-ubah-cara-komunikasi-remaja-masa-kini>
- Indirawati Zahid. (2023). Ketamadunan bangsa dan kesantunan berbahasa. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 13,(2),1-6. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v13i2.9928>

- Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2012). Prinsip hubungan sosial bagi menangani konflik dalam masyarakat Malaysia berteraskan Islam. *Jurnal Peradaban*, 5,(1), 49-71.
- Mohd Khaidir Abdul Wahab & Mohamad Nortaufig Norhashim. (2019). Penerapan model falsafah bahasa penyatuan bangsa: Satu kajian analisis keperluan. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9 (2), 11-24
- Mohd Nazmi Mohd Khalli, Suraya Sintang & Syamsul Azizul Marinsah (2020). Rahmatan Lil 'Alamin: Kerangka konsep keharmonian di Malaysia. *Jurnal Sains Insani*, 5,(2), 33-42. <https://doi.org/10.33102/jsi2020.5.2.0117>
- Rohaidah Mashudi, Hawa Rahmat, Mohd Izwardi Mohd Yusoff, Isma Suhaila Ismail & J Sham Wahid. (2021). Etiket bahasa dalam keputusan khas Covid-19. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18 (4), 59-77.